



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 21 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

21/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM BUKA PSSS TRANSIT PERTAMA MALAYSIA DI RANTAU PANJANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062531/kpwkm-buka-psss-transit-pertama-malaysia-di-rantau-panjang	HMETRO.COM.MY
	https://selangorjournal.my/2024/02/kpwkm-launches-malaysias-first-transit-one-stop-social-support-centre/	SELANGORJOURNAL.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1214770/kpwkm-sediakan-psss-pertama-di-malaysia-beri-khidmat-psikososial	BHARIAN.COM.MY
	https://thesun.my/local_news/kpwkm-launches-malaysia-s-first-transit-one-stop-social-support-centre-OD12118996	THESUN.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/650456/berita/nasional/pusat-perindungan-moden-pertama-di-malaysia	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.edisi9.com.my/2024/02/psss-transit-bantu-tangani-isu-psikososial-setempat-nancy/	EDISI9.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2271814	BERNAMA.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/20/women-family-and-community-development-ministry-launches-malaysias-first-transit-one-stop-social-support-centre/119035	MALAYMAIL.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/pusat-sokongan-sosial-setempat-bantu-tangani-isu-psikososial/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	ISU PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL KANAK-KANAK SUDAH DIBINCANG DALAM MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062564/isu-penggunaan-media-sosial-kanak-kanak-sudah-dibincang-dalam-mesyuarat	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/650468/berita/nasional/kpwkm-pantau-isu-pempengaruh-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/kerajaan-sudah-bincang-penggunaan-media-sosial-dalam-kalangan-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

21/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	LAWA TAWAR PROGRAM KEMAHIRAN, AKTIVITI PEMERKASAAN WANITA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lawa-tawar-program-kemahiran-aktiviti-pemeriksaan-wanita-458976?	ASTROAWANI.COM
	https://selangorjournal.my/2024/02/minister-wants-more-women-to-take-part-in-upskilling-programmes/	SELANGORJOURNAL.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/696679	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	SETIAP INDIVIDU MEMPUNYAI POTENSI UNTUK BERJAYA - MAJALAH 3 19 FEB 2024	
	https://www.youtube.com/watch?v=0EUCmHB7TVs	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PENDERAAN SEKSUAL KANAK KANAK DENDA 5000 JIKA TIDAK LAPOR	
	https://www.youtube.com/watch?v=rzyINqQHgLY	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KES DERA TAHFIZ: 7 LAPORAN POLIS DITERIMA, PELAKU DIREMAN DISEMBER LALU	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/kes-dera-tahfiz-7-laporan-polis-diterima-pelaku-direman-disember-lalu/	BULETINTV3.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



**MALAYSIA
MADANI**

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

21/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	R00TK1T DAKWA BERJAYA CURI 27TB DATA LPPKN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/r00tk1t-dakwa-berjaya-curi-27tb-data-lppkn-459004	ASTROAWANI.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/696726	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/650430/berita/nasional/rafizi-nafi-sistem-padu-digodam	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/rafizi-nafi-sistem-padu-digodam-x8t025c	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1214661/sistem-padu-tidak-diceroboh	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062455/dosm-sahkan-dakwaan-padu-digodam-palsu	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiatribune.news/2024/02/20/dakwaan-padu-digodam-tidak-benar/	MALAYSIATRIBUNE.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1214578/rafizi-tegur-forum-dalam-talian-dakwa-padu-digodam	BHARIAN.COM.MY
	https://harapandaily.com/2024/02/20/terima-kasih-kerana-tidak-menyemak-fakta-terlebih-dulu-rafizi/	HARAPANDAILY.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/650499/video/tiktok/rafizi-nafi-data-padu-diceroboh-kumpulan-r00tk1t	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiapost.com.my/2024/02/20/dakwaan-padu-digodam-adalah-palsu/	MALAYSIAPOST.COM
	https://www.kwiknews.com.my/2024/02/20/r00tk1t-dakwa-berjaya-curi-27gb-data-lppkn/	KWIKNEWS.COM.MY
	https://www.buzzkini.com/news/2024/02/20/kumpulan-penggodam-r00tk1t-dakwa-berjaya-curi-27tb-data-lppkn/	BUZZKINI.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/696745	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/20/gobind-says-ministry-checking-if-lppkn-data-hacked/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1015674/digital-ministry-verifying-claims-data-breach-lppkn	NST.COM.MY
	https://www.suarakeadilan.my/post/sistem-padu-tidak-digodam-pencerobohan-libatkan-sub-unit-lppkn	SUARAKEADILAN.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=RotZ6m6TUtE	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

MALAYSIA
MADANI


www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

21/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
	https://www.dailyexpress.com.my/news/229127/gobind-says-ministry-checking-if-lppkn-data-hacked/	DAILYEXPRESS.COM.MY
	https://bebasnews.my/2024/02/20/data-lppkn-dicuri-pengodam/	BEBASNEWS.MY
	https://malaysiatribune.news/2024/02/20/fahmi-nafi-sistem-padu-digodam/	MALAYSIATRIBUNE.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=w6grll783zs	YOUTUBE
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1015439/chief-statistician-claims-padu-database-hacked-untrue	NST.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=QYDRMLhU_rs	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-lppkn-ambil-serius-serangan-siber-x8t0d92	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PADAH HANTAR MESEJ LUCAH, PENYELIA LADANG DIPENJARA 4 BULAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1214693/padah-hantar-mesej-lucah-penyelia-ladang-dipenjara-4-bulan	BHARIAN.COM.MY



KPWKM buka PSSS Transit pertama Malaysia di Rantau Panjang

Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (kiri) meninjau kemudahan yang terdapat di Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS).
FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Rantau Panjang: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) membuka Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit pertama di Malaysia bernilai RM1.5 juta di tapak kawasan Perumahan Kastam Rantau Panjang di sini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, PSSS Transit ditubuhkan melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi membantu menangani isu psikososial khususnya golongan sasaran di bawah KPWKM.

Menurutnya, sebelum ini kementerian sudah mewujudkan PSSS secara bergerak (mobil) sejak 2021 dengan memberi khidmat secara 'outreach' terus ke kawasan tumpuan dan kali ini menaik taraf dengan mewujudkan PSSS Transit setempat di sini.

"Di sini juga turut menawarkan perkhidmatan psikososial yang holistik kepada masyarakat seperti sesi bimbingan dan kaunseling serta transit sementara berbentuk 'immediate relief' kepada kumpulan sasaran yang memerlukan.

"Ia juga salah satu inisiatif KPWKM dalam membantu menangani masalah psikososial yang semakin menular membabitkan isu seperti keganasan rumah tangga, pasca penceraian, pengabaian, penderaan, gangguan seksual, pemerdagangan manusia, kesihatan mental, ketagihan dadah dan isu rujukan kebajikan," katanya.

Beliau berkata ketika sidang media di majlis perasmian Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di Perumahan Kastam di sini, hari ini.

Hadir sama Ahli Parlimen Rantau Panjang Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff.

Nancy berkata, PSSS Transit di sini dilengkapi dengan fasiliti lengkap seperti pejabat pentadbiran, surau, pusat aktiviti serta blok penginapan yang dilengkapi dengan katil, bilik mencuci pakaian, ruang istirehat dan pantri.

"Untuk makluman juga, bangunan PSSS Transit ini adalah tapak kuarters kakitangan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang diserahkan kepada KPWKM pada 26 September 2021 sebelum diubah suai mengikut spesifikasi keperluan.

"PSSS juga melantik sukarelawan dalam kalangan pemimpin komuniti seperti penghulu atau ketua masyarakat untuk mengenal pasti permasalahan sebelum dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN).

"Kami berharap agar PSSS dapat digiat dan informasi mengenai perkhidmatan ini disebar luas hingga ke akar umbi untuk membantu masyarakat dalam menangani masalah psikososial demi keharmonian dan kesejahteraan negara," katanya.



Isu penggunaan media sosial kanak-kanak sudah dibincang dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara

Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my



NANCY pada sidang media selepas Majlis Perasmian Pusat Sokongan Sosial Setempat Transit Yayasan Kebajikan Negara. FOTO Nik Abdullah Nik Omar

Rantau Panjang: Isu penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak sudah dibincangkan di dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) supaya ia dapat dikawal sebaiknya ke arah yang positif.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kerajaan memandang serius perkara berkaitan media sosial terutama membabitkan pempengaruh kanak-kanak.


"Pelbagai cabaran perlu dihadapi apabila membabitkan media sosial, justeru golongan ibu bapa yang menjadi kumpulan terdekat dengan anak harus memainkan peranan dengan memantau atau menghadkan penggunaan media sosial.

"Kami di kementerian juga tidak bersetuju jika ada kenyataan daripada mana-mana pempengaruh yang menyatakan bahawa pendidikan tidak perlu sebaliknya hanya melalui media sosial boleh menjana pendapatan lumayan," katanya ketika sidang media selepas Majlis Perasmian Pusat Sokongan Sosial Setempat Transit Yayasan Kebajikan Negara di sini, hari ini.

Dalam perkembangan sama, Nancy turut memuji pempengaruh media sosial, Khairul Aming, yang menekankan pendidikan untuk mencapai sesuatu kejayaan termasuk berjaya dalam menjana pendapatan lumayan melalui media sosial.

"Jika mahu menjadi jutawan, bukan suatu perkara yang mudah sebaliknya memerlukan ilmu untuk merangka strategi supaya mencapai kejayaan berpanjangan.

"Kita sendiri menggalakkan anak untuk menguasai media sosial tetapi perlulah mengikut cara yang betul sehingga tidak mengabaikan tanggungjawab mereka dalam menimba ilmu," katanya.



LaWa tawar program kemahiran, aktiviti pemeraksanaan wanita

Bernama

Februari 20, 2024 04:30 MYT



Nancy (duduk, kanan) hadir bagi merasmikan LaWa Negeri Cik Siti Wan Kembang bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 di Kota Bharu. - Foto Facebook KPWKM

KOTA BHARU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggalakkan peningkatan kadar penyertaan wanita dalam ekonomi serta tenaga buruh, menerusi penawaran program kemahiran di Laman Wanita (LaWa), kata Menteri Nancy Shukri.

Beliau berkata usaha itu dapat membantu golongan wanita menjana pendapatan untuk diri sendiri dan keluarga, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan.

"Hal ini selaras dengan inspirasi Ekonomi Madani untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60 peratus.

"LaWa kini menjadi pusat aktiviti setempat, yang menawarkan pelbagai program dan aktiviti pemeraksanaan wanita melalui aspek peningkatan kemahiran asas, selain mewujudkan jaringan sosial serta pusat maklumat asas tentang pelbagai isu wanita," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu beliau merasmikan LaWa Negeri Cik Siti Wan Kembang bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 di sini.


Nancy berkata kesemua program dan aktiviti itu, menyokong aspirasi pemeraksanaan wanita merangkumi aspek ekonomi, kesejahteraan, keselamatan serta kepimpinan diberikan perhatian khusus kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"LaWa turut melaksanakan program dan aktiviti melalui kolaborasi strategik bersama-sama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), agensi-agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO).

"Secara keseluruhannya, pada masa ini Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai 14 LaWa di tujuh negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Nancy berkata secara khusus, di Kelantan terdapat dua LaWa iaitu di Kota Bharu dan Tanah Merah, malah sepanjang tahun lalu, sebanyak 152 program dilaksanakan Pejabat Pembangunan Wanita (PPWN) Kelantan yang disertai komuniti, ibu tunggal serta suri rumah.

Beliau berkata antara program yang dianjurkan melibatkan kemahiran industri makanan ialah produk pastri, penghasilan biskut, kuih tradisional, seni jahitan pakaian serta jahitan kreatif, yang membantu peserta meraih pendapatan.



Kes dera tahfiz: 7 laporan polis diterima, pelaku direman Disember lalu

🕒 20 Februari 2024, 3:13pm



Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan

PETALING JAYA: Tujuh laporan polis diterima setakat ini berhubung kes dera melibatkan sebuah madrasah tahfiz di Selangor.

Menurut Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan ketika dihubungi Buletin TV3 memaklumkan, suspek telah ditahan dan direman pada Disember lalu.

"Mengenai kes tahfiz itu, polis Selangor ada buka satu kertas siasatan dibawah Akta Kanak-Kanak 2001. Kes itu dalam siasatan.

"Pada Disember lalu, kita tahan (suspek) dan reman sebelum kita jamin dia sementara menunggu keputusan. Kertas siasatan masih dibuka untuk melengkapkan kertas siasatan beberapa tindakan," jelasnya.

Ujarnya, tujuh laporan yang diterima setakat ini selain penderaan, juga dilaporkan mengenai fahaman ajaran meragukan yang dijalankan di madrasah berkenaan.

"Laporan polis daripada pihak didera tiada, dari orang awam yang mengetahui perkara itu ada, keseluruhan laporan di selangor ada tujuh laporan..berkenaan dengan penderaan, fahaman ajaran yang meragukan dan tahfiz itu ada tauliah atau tidak yang mencurigakan,"katanya lagi.

Tambah Hussien lagi, suspek berusia 40 an merupakan warden dan tenaga pengajar di madrasah terbabit.


Sementara itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad ketika dihubungi secara ringkas memaklumkan kes itu masih dalam siasatan.

"Dalam proses siasatan...selepas dapat laporan penuh, JAIS akan ambil langkah yang sesuai.

"Kerana perlantikan guru (di madrasah terbabit) dibuat oleh sekolah dengan syarat-syarat tertentu," katanya.

Kes dera itu mula tular di laman sosial apabila video berkenaan dikongsi oleh netizen.

Lapor media, salah seorang pelajar dipukul dan dipaksa tidur di dalam tandas oleh tenaga pengajar madrasah tahfiz terbabit yang dikatakan tidak berdaftar di Selangor sejak beberapa tahun lalu.



R00TK1T dakwa berjaya curi 27TB data LPPKN

Amanz

Februari 20, 2024 11:00 MYT



R00TK1T mengugut, kegagalan untuk mengikuti arahan ini akan menyebabkan data sebesar 27TB yang telah dicuri ditiriskan ke arena web. - Gambar hiasan

KUMPULAN penggodam R00TK1T kembali dengan ancaman akan mendedahkan data pengguna di Malaysia yang berjaya dicuri oleh mereka.

Hampir dua minggu lalu mereka mendakwa berjaya mencuri maklumat pelanggan **Maxis**. Terbaru, kumpulan penggodam berkenaan mendakwa berjaya mencuri data Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

R00TK1T kini memberikan tempoh 12 jam kepada pihak berkuasa mengeluarkan kenyataan mengenai kerentanan data yang berlaku hari ini.

Kumpulan berkenaan mengugut, kegagalan untuk mengikuti arahan ini akan menyebabkan data sebesar 27TB yang telah dicuri ditiriskan ke arena web.

Pengumuman telah dilakukan oleh R00TK1T menerusi saluran Telegram.


Tangkapan layar yang dikongsi oleh R00TK1T menunjukkan beberapa salinan MyKad dan dokumen di dalam sebuah *folder* sistem operasi Windows.

Pihak LPPKN masih belum mengeluarkan kenyataan rasmi mengenai kesahihan dakwaan pangkalan data mereka telah berjaya ditembus oleh penggodam.

R00TK1T melabel diri mereka sebagai kumpulan hacktivist yang menggodam bagi mendedahkan kelemahan-keselamatan pada infrastruktur IT organisasi.

Untuk makluman, walaupun terdapat *folder* bernama PADU pada penggodaman yang diperlihatkan, namun ia bukanlah Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang menjadi fokus kebelakangan ini, sebaliknya Unit Pengurusan dan Penyampaian Perkhidmatan (PAU) adalah di bawah LPPKN.

Sungguhpun begitu R00TK1T tetap mendakwa mereka berjaya menggodam sistem Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dengan amaran diberikan terus kepada Rafizi Ramli dalam mesej terkini yang diterbitkan menerusi Telegram pada ini.



Padah hantar mesej lucah, penyelia ladang dipenjar 4 bulan

Oleh Alias Abd Rani - Februari 20, 2024 @ 1:32pm
bhnews@bh.com.my



Tertuduh, Zahirulhaq Abdul Rafaei, dibawa ke penjara selepas dijatuhi hukuman penjara empat bulan kerana menghantar mesej lucah

MUAR: "Hukuman ini adalah 'signal' kepada awam memandangkan banyak kes eksploitasi membabitkan kanak-kanak ketika ini.

"Jadi, saya harap kamu terima hukuman ini," demikian tegas Hakim Mahkamah Sesyen, Abdu Bakar Manat, sebelum menjatuhkan hukuman empat bulan penjara terhadap penyelia ladang kerana berkomunikasi secara seksual terhadap seorang remaja bawah umur, dua tahun lalu.

Terdahulu, tertuduh, Zahirulhaq Abdul Rafaei, mengaku bersalah terhadap tuduhan mengikut Seksyen 11 (1) (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 11 akta sama.

Kejadian itu dilakukan di sebuah rumah, Jalan Bakri pada Ogos 2022 dengan hukuman dengan hukuman bagi kesalahan ini adalah tempoh pemenjaraan tidak melebihi tiga tahun.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh baru sebulan mengenali mangsa yang ketika itu berusia 15 tahun menerusi media sosial sebelum menghantar mesej lucah kepada tertuduh.

Bagaimanapun, kejadian itu terbongkar apabila kakak kepada mangsa memeriksa telefon bimbitnya dan menemui beberapa mesej seksual yang dihantar tertuduh kepada adiknya itu.

Laporan analisis media sosial oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang turut dibentang sepanjang prosiding hari ini, menunjukkan ia sah milik tertuduh.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendawa Raya, Danial Munir, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Hujahnya, hukuman setimpal wajar diberikan terhadap tertuduh demi menjaga kepentingan awam berbanding peribadi.

Sementara itu, tertuduh dalam rayuannya memohon agar diringkankan beban kerana perlu menjaga ini bapa serta mereka di luar sana.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan penjara empat bulan dari tarikh sabitan, hari ini.